

KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING RUKUN TETANGGA
BILANGAN 1 TAHUN 2015**

**PENUBUHAN JAWATANKUASA KHAS PENILAIAN
KAWASAN RUKUN TETANGGA DAN SKIM RONDAAN SUKARELA**

**JABATAN PERPADUAN NEGERA DAN INTEGRASI NASIONAL
(JABATAN PERDANA MENTERI)**

15 Jun 2015

Dikelilingkan kepada :

Semua Pengarah Perpaduan Negeri
Semua Pegawai Perpaduan Daerah / Bahagian





JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
(JABATAN PERDANA MENTERI)
ARAS 7-10, BLOK E2, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 03-8883 7000
Talian 1MOCC : 03-8000 8000
Faks : 03-8888 8584
Laman Web : <http://www.jpnin.gov.my>

Ruj. Kami : JPNIN.02/519 (PEKELILING RT) SJ1(24)

Tarikh : 15 Jun 2015

Semua Pengarah Perpaduan Negeri
Semua Pegawai Perpaduan Daerah / Bahagian

**SURAT PEKELILING RUKUN TETANGGA
BILANGAN 1 TAHUN 2015**

**TATACARA PENUBUHAN DAN PELAKSANAAN
JAWATANKUASA KHAS PENILAIAN
KAWASAN RUKUN TETANGGA DAN SKIM RONDAAN SUKARELA**

TUJUAN

Surat Pekeliling Rukun Tetangga ini bertujuan memaklumkan penubuhan dan pelaksanaan Jawatankuasa Khas Penilaian Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela selaras dengan Seksyen 31 Akta Rukun Tetangga 2012 yang mana Ketua Pengarah boleh mengeluarkan apa-apa garis panduan, pekeliling atau arahan yang diperlukan atau suai manfaat bagi maksud pelaksanaan peruntukan Akta ini.

TATACARA

2. Tatacara penubuhan dan pelaksanaan Jawatankuasa Khas Penilaian Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela yang disediakan bersama-sama pekeliling ini adalah menjelaskan cara-cara Jawatankuasa ini bertindak dan dikendalikan.

PELAKSANAAN

3. Jawatankuasa Khas Penilaian Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela adalah tatacara tambahan kepada **Pekeliling Rukun Tetangga 2012 (Tatacara Pengurusan Rukun Tetangga- Bab A:Penetapan Kawasan Rukun Tetangga)** khususnya di peringkat Ibu Pejabat.

4. Prosedur ini melibatkan pindaan dalam tempoh permohonan penetapan Kawasan Rukun Tetangga pada piagam pelanggan dalam prosedur sedia ada seperti berikut:

“Meluluskan permohonan KRT dalam tempoh 7 hari daripada tarikh penerimaan dokumen yang lengkap”

dipinda kepada;

“Memaklumkan keputusan permohonan KRT dalam tempoh 7 hari selepas mesyuarat Jawatankuasa khas Penilaian Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela bersidang”.

PENGUATKUASAAN

5. Penubuhan Jawatankuasa Khas Penilaian Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela dilaksanakan di Peringkat Ibu Pejabat dan berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

6. Pekeliling ini diguna pakai di Ibu Pejabat Jabatan Perpaduan negara dan Integrasi Nasional dan dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan.
7. Pekeliling ini dipanjangkan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di peringkat Ibu Pejabat, Negeri dan Daerah.
8. Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan, Ibu Pejabat boleh dihubungi untuk penjelasan lanjut berhubung Pekeliling ini.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(GANESAN A/L LETCHUMANAN)
Ketua Pengarah Rukun Tetangga
MALAYSIA



**TATACARA
PENUBUHAN DAN PELAKSANAAN
JAWATANKUASA KHAS
PENILAIAN
KAWASAN RUKUN TETANGGA
DAN
SKIM RONDAAN SUKARELA**

**JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
JABATAN PERDANA MENTERI
ARAS 7 – 10, BLOK E2, PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA**

**TEL: 03-88837000 NO. FAKS:03-88888584
<http://www.jpnin.gov.my>**

TATACARA

PENUBUHAN DAN PELAKSANAAN JAWATANKUASA KHAS PENILAIAN

KAWASAN RUKUN TETANGGA DAN SKIM RONDAAN SUKARELA

1. TUJUAN

Jawatankuasa Khas Penilaian Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela bertindak sebagai mekanisme kawalan dan penilaian dalam mempertimbangkan kewajaran penubuhan Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela untuk kelulusan Ketua Pengarah.

2. LATAR BELAKANG

Peningkatan bilangan Kawasan Rukun Tetangga adalah selaras dengan keperluan permintaan penubuhannya di kalangan masyarakat. Sehingga 25 Mac 2015, bilangan penubuhan Kawasan Rukun Tetangga adalah sebanyak 7,284 dengan peluasan penubuhan sebanyak lebih daripada 300 buah dalam tempoh setahun.

Walaupun begitu, terdapat pelbagai isu yang wujud kesan peningkatan bilangan Kawasan Rukun Tetangga yang diluluskan melebihi kuota yang ditetapkan. Antaranya seperti berikut:-

- 2.1. Kelulusan melebihi kuota pada tahun semasa menyebabkan peruntukan dan bajet pelaksanaan penubuhan Kawasan Rukun Tetangga tidak dapat disalurkan.
- 2.2. Kelonggaran proses serta tatacara penetapan Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela menyebabkan tiada kawalan dalam menentukan kesesuaian penubuhan Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela tersebut.

- 2.3. Keperluan terhadap penyeragaman kualiti Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela bermula daripada kewajaran penetapan Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela untuk ditubuhkan.

3. OBJEKTIF

- 3.1. Mewujudkan kaedah mekanisme kawalan penilaian yang dapat mempertimbangkan kewajaran penetapan Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela.
- 3.2. Mempermaksa proses serta tatacara penetapan Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela supaya standard kualiti penetapan Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela dapat ditingkatkan.
- 3.3. Meningkatkan kualiti penetapan Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela melalui kaedah dan mekanisme kawalan penilaian yang dapat mempertimbangkan kewajaran penetapan Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela.

4. RASIONAL

- 4.1. Kehendak dan jangkaan pelanggan terhadap jabatan dalam menyediakan perkhidmatan komuniti melalui penetapan Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela sebagai salah satu mekanisme penyampaian perkhidmatan dalam aspek sosial dan kemasyarakatan.
- 4.2. Satu inisiatif mempermaksa proses dan tatacara penetapan Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela melalui mekanisme penilaian untuk menentukan kesesuaian bagi pelaksanaan proses kelulusan penetapan Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela.

- 4.3. Kaedah bagi menentukan standard kualiti penetapan Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela melalui jawatankuasa penilaian bagi mempertimbangkan dan meluluskan penetapan Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela.
- 4.4. Mengesyorkan tindakan penambahbaikan terhadap pembangunan dan kualiti Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela.

5. KEANGGOTAAN JAWATANKUASA KHAS PENILAIAN KAWASAN RUKUN TETANGGA DAN SKIM RONDAAN SUKARELA

Bagi melaksanakan dan mencapai objektif tersebut, jawatankuasa khas yang di bentuk adalah terdiri daripada 5 orang seperti berikut:

PENGERUSI

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)



SETIAUSAHA

Pengarah (Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan)



AHLI *

Pengarah
(Pengurusan Perpaduan)

Pengarah
(Dasar dan Perancangan)

URUSETIA
Pen. Pengarah
(Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan)


Nota : '*' Berubah mengikut kesesuaian.

6. KADEAH PELAKSANAAN

Jawatankuasa khas ini akan bermesyuarat pada setiap bulan sekali berdasarkan agenda seperti berikut:-

- 6.1. Borang permohonan dan dokumen sokongan adalah lengkap.
- 6.2. Kewajaran penubuhan:-
 - i. Kesesuaian kawasan – saiz dan anggaran bilangan penduduk dan pertindihan dengan agensi dan organisasi kemasyarakatan yang lain.
 - ii. Keperluan berdasarkan isu/konflik komuniti dan keselamatan komuniti
 - iii. Permintaan pemimpin tempatan
 - iv. Permintaan mewakili masyarakat dan komuniti tempatan

- 6.3. Proses Aliran Kerja Jawatankuasa Khas adalah seperti berikut:-



7. PENUTUP

Tatacara sedia ada berkaitan Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela yang diguna pakai jabatan akan memerlukan pindaan mana-mana yang berkaitan semasa pelaksanaan tatacara ini dilakukan.

Tatacara ini telah diluluskan pelaksanaannya oleh pengurusan tertinggi pada 25 Mac 2015 dalam Mesyuarat Pengarah-pengarah Bahagian Bil.3/2015 dan digunakan pada tarikh surat pekeliling berkuat kuasa.